



KL FESTIVAL 2026 MENJANA PEMBAHARUAN EKONOMI PUSAT BANDAR KL

Inisiatif kebudayaan bandar menyasar 100,000 pengunjung, pertumbuhan PKS dan keyakinan pelaburan yang lebih kukuh di pusat ibu kota.

KUALA LUMPUR, 13 MAC 2026 – KL Festival (KL Fest) yang akan berlangsung dari 6 sehingga 31 Mei merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang bagi peremajaan ibu kota melalui pemulihan bandar yang diterajui oleh kebudayaan. KL Fest dianjurkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), serta disokong oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Wilayah Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri). Inisiatif ini selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2026, Warisan KL dan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Bandar Kreatif Reka Bentuk UNESCO.

Bukan hanya sekadar perayaan budaya, KL Fest telah disusun khas sebagai sebuah intervensi ekonomi dengan suntikan dana sebanyak RM3 juta. Lebih 80 acara pelbagai disiplin bakal berlangsung merentasi lebih daripada 26 buah bangunan warisan, ruang awam dan jalan yang menyampaikan keseluruhan aturcara selama lebih dari 700 jam. KL Fest menyasarkan lebih daripada 100,000 pengunjung dan menjangkakan penambahan bilangan peserta akan memanjangkan waktu bekerja lazim, meningkatkan waktu pengunjung berada di pusat bandar dan merangsangkan perbelanjaan dalam sektor makanan dan minuman, peruncitan, perkhidmatan pengangkutan serta perniagaan lain di kawasan sekitar.

Tema tahun ini, "Ingatan & Masa Depan (Memory & Tomorrow) mencerminkan evolusi Kuala Lumpur sebagai sebuah kota yang dibentuk oleh kebudayaan, penghijrahan dan transformasi berterusan, lantas mengukuhkan peranan kreativiti, komuniti dan budaya dalam mewujudkan bandar-bandar yang mampu didiami, terangkum dan berdaya saing secara sejagat.

Seramai 2.1 juta bilangan penduduk Kuala Lumpur, serta seramai 8.8 juta penduduk yang merangkumi Kawasan Kuala Lumpur Raya, menyediakan landasan penyertaan domestik yang kuat, ditambah pula dengan pengunjung lain daripada luar negeri dan luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.



Menurut Dato' Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City, "Pesta ini membuktikan bagaimana budaya mampu memainkan peranan sebagai pemangkin pemulihan strategi. Penambahbaikan fizikal semata tidak mampu menampung pusat bandar. Pengaktifan, jati diri dan penglibatan yang tekak merupakan pemacu utama dalam aktiviti pelaburan dan perusahaan. KL Fest dirangkakan bagi mengaktifkan ruang, meningkatkan kunjungan dan mencipta peluang ekonomi yang bermakna bagi perusahaan tempatan."

Aturcara utama yang menambat impak pengaktifan ekonomi dan tempat termasuklah acara Jogeton di Dataran Merdeka; Artskap ASWARA di ASWARA; Senandung Warisan di Auditorium Bandaraya selama tiga malam; seni pemasangan awam di sekitar Pusat Bandar KL sempena KL Architecture Festival Competition; Warung Terang oleh Filamen yang mengaktifkan laluan dan lorong melalui pemetaan unjuran (projection mapping); Planet KL di Sungai Nadi Kehidupan (River of Life) dan The Making of Merdeka Textile Museum: A Creative Journey.

KL Fest turut akan mengetengahkan seni teater, tarian dan persembahan yang akan dipentaskan di pelbagai tempat utama, termasuklah Fragments of Buah (ASWARA), Pending (Dewan Nenek Moyang Chan She Shu Yuen), Siapa Cacat? (GMBB), Origin of a Tale (Rumah Tangsi), Chapter 2 (ASWARA) dan The Lessons of Silence (The Godown),memperkukuhkan peranan pesta ini dalam menjana mata pencarian sektor kreatif dan pengaktifan ruang.

Secara sejagat, pesta seni besar telah membuktikan kesan limpahan ekonomi yang memberangsangkan. Pesta Antarabangsa Manchester telah melaporkan sumbangan melebihi £100 juta, manakala Pesta Pinggiran Edinburgh menjana lebih £200 juta setahun. Selayang pandang, Pesta George Town menarik seramai 250,000 pengunjung setahun. KL Fest yang diadakan buat julung kali telah menarik seramai 140,000 pengunjung dan disokong oleh lebih 800 peluang pekerjaan kreatif. Hal berikut menggambarkan peranan aturcara kebudayaan yang mampan dalam kecergasan ekonomi bandar.

Selain daripada sebahagian besar aturcara KL Fest ditawarkan secara percuma kepada orang ramai, pesta ini turut mengukuhkan penyertaan yang terangkum, memastikan usaha penjana semula bandar memberi manfaat kepada lain-lain komuniti selain daripada komuniti perniagaan. Dengan menghimpunkan institusi kebudayaan, pemilik hartanah, rakan korporat dan organisasi komuniti, KL Fest berhasrat untuk mempamerkan bagaimana kerjasama antara sektor awam dan swasta dapat mempercepat pembaharuan bandar, pada masa yang sama mengukuhkan rasa bangga terhadap bandar dan kehidupan sivik.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klfestival.com.my.



Tamat

Tentang KL Festival (KL Fest):

KL Fest ialah perayaan kota Kuala Lumpur yang utama. Pesta ini diilhamkan daripada pengiktirafan Bandar Kreatif Reka Bentuk UNESCO dan selari dengan aspirasi Warisan KL. Pesta ini turut menghidupkan Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui penglibatan kreatif, budaya dan komuniti yang mewakili persembahan tempatan dan luar negara, seni pemasangan dan aturcara awam yang mampu diakses oleh semua. KL Fest diadakan merentasi bangunan warisan dan ruangan awam dengan mentransformasikan kawasan bersejarah menjadi destinasi kebudayaan yang meriah. Untuk maklumat lanjut, layari www.klfestival.com.my

Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi berimpak yang ditubuhkan pada tahun 2009 bagi mewujudkan tempat yang lebih lestari dan saksama demi manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi mereka tertumpu kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial, serta ekonomi budaya. Think City merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Untuk maklumat media lanjut, sila hubungi:

Jacinta Vythilingam | E-mel: jacintav@spinmeistercomms.com | Tel: +6012 3145935